

04/09/2000

Majlis Umat Islam AS terima Dr M

Mior Kamarul Shahid in Chicago

CHICAGO, Ahad - Majlis Umat Islam Amerika Syarikat (AMC), pertubuhan sosio-politik yang menjaga kepentingan kira-kira 6.7 juta umat Islam di negara ini, menganggap tidak ada sebab mana-mana pertubuhan menghalang kehadiran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Amerika Syarikat.

Sebaliknya, Presiden AMC, Dr Yahya Mossa Basha, berkata sebagai pertubuhan aktivis politik di Amerika Syarikat yang memberi kebebasan bersuara kepada semua pihak, lawatan Dr Mahathir membolehkan mereka berinteraksi dengan ahli politik dari dunia Islam demi kebaikan masa depan ummah.

Malah, katanya, Dr Mahathir sebagai pemimpin Islam, ialah seorang yang berterus terang dan memberi pandangan tegas sama ada terhadap negara Barat atau dunia Islam.

"Saya begitu menghormatinya," katanya selepas mengadakan perbincangan mengenai pelbagai perkara berhubung masa depan umat Islam, di sini hari ini.

Turut serta dalam kunjungan itu ialah Pengarah Eksekutif AMC, Aly R Abuzaakouk dan Bendahari yang juga pengasas AMC, Dr Mohammad Aslam Cheema.

Mereka datang ke sini dari Washington DC semata-mata untuk menemui Perdana Menteri kerana mengiktiraf dan menghormatinya sebagai pemimpin Islam yang banyak berjasa kepada rakyat Malaysia dan umat Islam sejagat.

Sikap pemimpin AMC jelas menunjukkan mereka tidak bersetuju dengan tindakan Persatuan Islam Amerika Utara (Isna) yang menarik balik jemputan kepada Dr Mahathir untuk berucap pada kongres persatuan itu di sini.

"Kami bukan Isna. Sebagai pertubuhan politik yang mewakili umat Islam di Amerika Syarikat, kami mengalu-alukan kehadiran Dr Mahathir untuk membincangkan soal masyarakat Islam di sini," katanya.

Ditanya sama ada tindakan Isna itu wajar atau sebaliknya, Aly pula berkata: "Ini Amerika. Di sini kita bebas bersuara. Di kalangan umat Islam juga, ada banyak suara."

"Kami mengalu-alukan kehadiran beliau. Sebagai mewakili AMC, kami berpendapat boleh mengadakan hubungan rapat dalam pelbagai bidang dengan Malaysia yang dikenali sebagai Harimau Asia. Dr Mahathir juga sedia menghulurkan bantuan, termasuk dalam bidang pendidikan."

Terdahulu, Dr Mahathir dikunjungi tokoh korporat, Dr Mahmood Thahab, yang menyifatkan tindakan Isna sebagai tidak boleh diterima, tidak profesional dan memalukan.

"Ia adalah tindakan yang salah. Dr Mahathir adalah pemimpin dunia dan seorang yang kita banggakan," katanya yang tidak menganggotai Isna.

Beliau, yang datang dari California, membincangkan pelbagai perkara membabitkan umat Islam dan perkembangan dunia dan Asia Tenggara, termasuk e-dagang dan teknologi maklumat.

Selain itu, mereka juga berbincang mengenai pelaburan, pembiayaan projek dan syarikat, bukan saja di Malaysia tetapi juga di rantau Asia Tenggara.

Esok, Dr Mahathir akan menemui pemimpin beberapa pertubuhan Islam lain di negara ini termasuk Majlis Hubungan Umat Islam-Amerika (CAIR) dan Majlis Hal Ehwat Umat Islam (MPAC) di samping individu yang mewakili pelbagai organisasi.

(END)